

## **Bank Islam dan Mastercard membawa pengalaman yang bermanfaat untuk pemegang kad menerusi pelancaran program kesetiaan Pay with Rewards™**

*Pay with Rewards membolehkan pemegang Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard memperoleh dan menebus mata ganjaran dengan segera, lancar dan mudah di lebih 100 juta lokasi penerimaan Mastercard di seluruh dunia*

**KUALA LUMPUR – 12 Ogos 2024** – Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), bank Islam terkemuka di Malaysia, dan Mastercard, sebuah syarikat teknologi global dalam industri pembayaran, telah bergabung tenaga untuk memperkenalkan program Pay with Rewards Bank Islam Mastercard. Ia merupakan satu program inovatif dan pertama seumpamanya yang direka untuk meningkatkan pengalaman kesetiaan pengguna.

Pelancaran dengan Bank Islam ini menandakan program pertama Pay with Rewards Mastercard di Malaysia. Ia juga meletakkan Bank Islam sebagai bank Islam pertama di Asia Pasifik yang menyediakan Pay with Rewards kepada pemegang kadnya.

Program ini tersedia untuk pemegang Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard, menyepadukan Pay with Rewards Mastercard dengan sistem mata ganjaran Bank Islam, TruPoints, dan merevolusikan pengalaman penebusan. Pemegang kad akan dapat menggunakan TruPoints terkumpul pada sebarang jenis pembelian dengan serta-merta dan mudah di pedagang yang menerima perkhidmatan Mastercard di Malaysia dan seluruh dunia.

**Mizan Masram, Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan, Perbankan Runcit Kumpulan Bank Islam**, berkata, “Kerjasama Bank Islam dengan Mastercard melambangkan satu pencapaian penting. Ia menandakan penampilan sulung Pay with Rewards di pasaran serta untuk perbankan Islam di Asia Pasifik. Komitmen untuk memenuhi keperluan sektor yang semakin berkembang dan meluaskan peluang untuk menyampaikan nilai luar biasa kepada pelanggan melalui perkongsian yang tepat pada masanya sentiasa menjadi keutamaan utama bagi Bank. Di samping Mastercard, Pay with Rewards Bank Islam Mastercard berusaha untuk mentakrifkan semula pengalaman pelanggan dengan menawarkan penyelesaian sehenti dan memudahkan pelanggan mengakses ganjaran apabila menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard mereka sama ada dalam negara atau di peringkat antarabangsa. Menerusi program pertama seumpamanya ini, Bank Islam memperkuatkannya lagi kedudukannya sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang berfikiran ke hadapan serta berdedikasi untuk memenuhi keperluan pelanggan yang semakin berkembang, pada masa sama, mengekalkan prinsip perbankan Islam.”

**Beena Pothen, Pengurus Negara, Malaysia dan Brunei, Mastercard**, berkata, “Mastercard berbangga untuk bekerjasama dengan Bank Islam untuk melancarkan program Pay with Rewards Bank Islam Mastercard dan mencipta satu lagi pencapaian baharu dalam pasaran. Kerjasama penting ini menggariskan kepentingan kewangan Islam kepada Mastercard dan tumpuannya untuk mengembangkan akses dan penawarannya dalam sektor yang berkembang maju ini. Mastercard sentiasa komited untuk membangunkan dan memperkenalkan penyelesaian yang bersesuaian dengan pasaran tempatan bagi menyumbang kepada pembinaan ekosistem digital yang inklusif, sambil mematuhi kepercayaan dan prinsip yang dekat dengan pelanggan dan pengguna. Memanfaatkan pemahaman mendalam Mastercard tentang pilihan pengguna, Pay with Rewards direka untuk memberi kebebasan kepada pemegang kad Bank Islam Mastercard Kad Kredit-i untuk memperoleh dan membelanjakan mata ganjaran mereka –

seperti wang tunai – untuk sebarang jenis pembelian secara segera dan lancar di lebih 100 juta lokasi penerimaan Mastercard di Malaysia dan seluruh dunia.”

Program Bank Islam Mastercard *Pay with Rewards* didatangkan dengan aplikasi mesra pengguna untuk memantau ganjaran dan mengurus pilihan pengguna dengan mudah. Pemegang kad boleh mengaktifkan penebusan ganjaran mereka sama ada sebelum atau selepas pembelian dengan memilih daripada senarai transaksi yang layak. Selain itu, pengguna boleh menikmati ciri-ciri interaktif dalam aplikasi seperti peringatan penebusan selepas pembelian yang layak. Fungsi ini akan memastikan mereka menerima maklumat terkini tentang jumlah TruPoints yang terkumpul dan cara penggunaan untuk pembelian dalam masa nyata.

### **Pelancaran Kempen *Pay with Rewards Your Points Your Way***

Bersempena dengan pelancaran program baharu itu, Bank Islam dan Mastercard melancarkan kempen “*Pay with Rewards™*” *Your Points Your Way\**, menawarkan hadiah menarik untuk pemegang kad baharu dan sedia ada merentas pelbagai kategori.

Pengguna yang memohon dan mengaktifkan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard antara 1 hingga 31 Ogos 2024 akan berpeluang memenangi 10,000 TruPoints (terhad kepada 160 pemenang pertama).

Pemegang kad yang membuat sekurang-kurangnya lima pembelian dengan kad baharu mereka dalam tempoh 30 hari selepas pengaktifan juga akan berpeluang memenangi 10,000 TruPoints (terhad kepada 80 pemenang) dan kelayakan menyertai cabutan untuk memenangi jam tangan pintar Samsung Galaxy Watch 6.

Penggemar gajet boleh menikmati pilihan Pindahan Baki dengan Hadiah, yang memberi mereka peluang untuk membawa pulang sebuah iPad Air 11-inci atau Nintendo Switch terkini dengan jumlah pindahan minimum RM10,000 sehingga 24 atau 36 bulan sehingga 31 Ogos 2024.

Pemegang kad yang gemar mengembara boleh menerima sehingga 10,000 TruPoints apabila berbelanja menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard mereka untuk transaksi di luar negara sehingga 31 Oktober 2024. Sebagai tambahan, pemegang kad akan mendapat penyertaan untuk memenangi perjalanan untuk dua orang ke Istanbul, Türkiye untuk setiap perbelanjaan runcit bernilai RM200 yang dibuat antara Ogos hingga November 2024. Pemegang kad juga layak menggandakan penyertaan apabila membuat perbelanjaan terhadap item yang berkaitan perjalanan mereka.

Untuk maklumat lanjut tentang Bank Islam Mastercard Pay with Rewards, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

\*Tertakluk kepada terma dan syarat.

**- Tamat -**

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan

merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.

**Mengenai Mastercard (NYSE: MA), [www.mastercard.com](http://www.mastercard.com)**

Mastercard ialah syarikat teknologi global dalam industri pembayaran. Misi kami adalah untuk menghubungkan dan memperkasakan ekonomi digital yang inklusif yang memberi manfaat kepada semua orang walau di mana sahaja dengan menjadikan transaksi selamat, mudah, pintar dan boleh diakses. Melalui penggunaan data dan rangkaian yang selamat, jalinan kerjasama serta kesungguhan, inovasi dan penyelesaian kami telah banyak membantu individu, institusi kewangan, kerajaan dan perniagaan dalam mencapai potensi terbesar mereka. Dengan rangkaian merentasi lebih 210 negara dan wilayah, kami sedang membina dunia yang mampan yang membuka segala kemungkinan yang tidak ternilai untuk semua.

***Hubungan Komunikasi Bank Islam***

*Johanna Azrey Sobrey, +6012 204 6844*  
[johanna@bankislam.com.my](mailto:johanna@bankislam.com.my)

*Aimi Farhein Ramli, +6013 2979 110*  
[afarhein@bankislam.com.my](mailto:afarhein@bankislam.com.my)

***Hubungan Mastercard***

*Shazleen Shaik, +6012 3711 724*  
[shazleen.shaik@mastercard.com](mailto:shazleen.shaik@mastercard.com)

***Agency Communications Contact***

*Sarah Zulkifli, +6012 7989 447*  
[sarah.zulkifli@webershandwick.my](mailto:sarah.zulkifli@webershandwick.my)